



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (33)

Tarikh : 1 Ogos 2013

## SIARAN MEDIA

### **GOTONG -ROYONG BUBUR LAMBUK KESKEP KPKT INISIATIF MENGEMBALIKAN AKTIVITI PENYEDIAAN JUADAH BERBUKA DI KALANGAN MASYARAKAT BANDAR**

Putrajaya, 1 Ogos – Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyertai program Gotong Royong Bubur Lambuk yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan Dan Sukan (KESKEP) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. (KPKT)

Aktiviti gotong royong ini adalah inisiatif KESKEP untuk menyemarakkan semula aktiviti gotong royong dalam menyediakan juadah berbuka yang semakin luntur di kalangan masyarakat bandar. Transformasi dalam kehidupan masyarakat kini yang lebih banyak menuntut warga kota menghabiskan masa di pejabat dan aktiviti lain daripada menghidupkan aktiviti gotong royong penyediaan juadah berbuka yang pernah menjadi amalan masyarakat kita suatu ketika dulu.

Inisiatif ini juga berjaya mengeratkan ikatan silaturrahim antara warga KPKT. Bubur lambuk yang siap dimasak ini dan diagihkan kepada warga KPKT ini telah disediakan oleh 65 orang sukarelawan warga KPKT . Kerja gotong royong ini telah diadakan di perkarangan KPKT bermula dari awal pagi dan selesai

pada 2.30 petang. Kehadiran Y.B. Menteri KPKT dan pihak pengurusan KPKT menjadikan Program Gotong Royong Bubur Lambuk KESKEP lebih ceria dan bermakna.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)